

Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana sini. Kepada

siapa yang meminatinya, silalah pula menyuntingnya.

Aku Masih Tetap Memuji

Adalah diceritakan “Amru bin al-A’la” telah berpergian ke negeri Sham hendak menemui Khalifah Hisham. Belum pun sampai ke sana kakinya sebelah telah luka dipertengahan jalan. Lukanya telah keracunan yang menyebabkan mesti dipotong - kerana demikianlah nasihat doktor yang dihantar oleh khalifah kepadanya untuk mengubatnya - kalau tidak maka penyakitnya tidak akan sembuh. Orang pun mempelawalah kepadanya sebuah tempat tidur, tetapi telah dijawabnya: “Saya tidak suka selama-lamanya melupakan zikir terhadap Allah.”

Setelah kakinya yang sakit itu dikudungkan untuk menyembuhkannya, dia pun berkata sambil matanya memandang ke langit: “Ya Allah! Sekiranya Engkau mengambil satu anggota dari diriku, maka sesungguhnya banyak lagi anggota yang masih tinggal padaku.”

Belum habis dia menuturkan itu, tiba-tiba datanglah pula suatu berita kepadanya yang mengatakan bahawa anaknya telah jatuh dari loteng rumahnya lalu mati. Dia pun berkata seketika itu juga sambil matanya memandang ke langit: “Ya Allah! Kalau Engkau telah mengambil seorang anakku, maka sesungguhnya masih banyak lagi anakku yang tinggal. Aku tetap memuji-Mu baik di masa senang mahu pun di masa susah.”

* * *

Penyatuan Semulia-mulia Akhlak

Pada satu masa, terjadilah suatu pertengkaran hebat di antara Saiyidina Husin bin Ali Abi Talib dengan saudaranya Muhammad bin Ali al-Hanafiah, menyebabkan keduanya berpisah masing-masing dalam keadaan marah yang amat sangat. Setibanya Muhammad bin Ali al-Hanafiah di rumahnya, ditulisnyalah sepucuk surat kepada Saiyidina Husin yang kandungannya seperti berikut:

“Ada pun kemudian daripada itu, sesungguhnya saudara ada mempunyai kemuliaan yang saya sendiri tak dapat mencapainya, begitu pula saudara ada mempunyai kelebihan yang saya juga tidak dapat menjangkaunya. Pada hal ayah kita sama iaitu Ali bin Abi Talib yang darinya tak ada kelebihan antara saya dengan saudara. Tetapi ibu saudara ialah Fatimah binti Rasulullah (S.A.W). Kalaulah bumi ini dipenuhi dengan sekalian perempuan, semuanya mereka itu tiadalah dapat hendak menandingi ibu saudara seorang diri. Maka setelah surat saya ini saudara baca, segeralah saudara memakai baju dan capal saudara, dan marilah datang menemui saya untuk berdamai. Tetapi ingatlah, jangan sampai pula saya mendatangi saudara terlebih dahulu - yang bererti saya mendahului saudara - ditentang keutamaan yang saudara melebihi saya itu, Wassalam.”

Manakala surat itu dibaca oleh Saiyidina Husin, tiadalah ia berlengah-lengah lagi memakai baju dan capalnya, terus

mendatangi Muhammad bin Ali Al Hanafiah, lalu keduanya pun berdamai.

* * *

Ubat yang Paling Mujarab Untuk Bersabar

Adalah diceritakan, bahawa Raja Parsi

“Anushirwan” telah murka terhadap menterinya “Bozorgmehr” lalu dipenjarakannya dalam penjara yang amat gelap, diikat dengan rantai, dipakaikan baju yang kasar dari bulu, dan diberi makan tiap-tiap hari tidak lebih dai dua keping roti dan sekendi air.

Hiduplah menteri itu dalam penjara berkeadaan demikian beberapa bulan lamanya dengan tidak ada diterima daripadanya apa-apa pengaduan.

Pada suatu hari raja pun memerintahkan pengawal penjara, supaya membenarkan rakan sejawat wazir itu untuk melawatnya dan menanyakan tentang hal yang diamalnya¹, kemudian hendaklah mereka mengadap raja untuk menceritakan apa yang telah berlaku semuanya.

Maka masuklah ke dalam penjara itu sekumpulan orang ramai dari rakan sejawat wazir itu dan mendapatinya dalam keadaan bersenang hati, tenteram, tidak kurang suatu apa. Mereka pun bertanya:

“Wahai Mamanda Menteri! tuan berada dalam tempat yang begini sempit, hidup dalam keadaan yang sulit lagi sengsara, namun air muka tuan tidak ada sedikit pun membayangkan kesusahan, dan kesihatan tubuh badan tuan sedikit pun tidak berubah, hinggakan seolah-olahnya tuan hidup dalam kemewahan dan kebahagiaan. Apakah rahsia yang menyebabkannya?”

Wazir itu menjawab: “Saya ada membuat ubat mengenai kesabaran yang mengandungi lima macam ramuan.

Ubat itulah yang saya makan tiap-tiap hari, sehingga menyebabkan saya jadi begini.”

Mereka bertanya pula: “Tolonglah Mamanda Menteri terangkan bagaimana rupanya ubat itu supaya dapat pula memberi guna kepada kami di masa kesusahan.”

Jawab Menteri itu: “Baiklah. Saya akan menerangkannya.

Ramuan yang pertama; Cukup kepercayaan terhadap Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā*.

Yang kedua; Bersabar itu sebaik-baik jalan untuk dipergunakan oleh orang yang sedang mengalami percubaan.

Yang ketiga; Kalaulah tidak bersabar apalah yang saya boleh buat? Saya tidak akan menolong diri saya untuk bersusah hati.

Yang keempat; Ada kemungkinan lebih buruk kalau keadaan saya tidak seperti sekarang ini.

Dan yang kelima; Dari satu saat ke satu saat Allah akan mendatangkan kelepasan dalam masa yang tidak berapa lama lagi.”

Manakala telah sampai berita tentang apa yang dikatakan oleh Menteri itu ke pengetahuan raja Anushirwan, Raja itu pun segeralah mengeluarkannya dari penjara dan dimuliakannya. Kemudian diberinya kedudukan yang baik di sisinya sebagai balasan di atas kesabarannya.

* * *

Muhammad bin al-Jahim dan Jirannya Sa‘īd Bin al-‘Āṣ

Adalah diceritakan Muhammad bin al-Jahim sedang dalam kesempatan yang memerlukan kepada wang. Dia telah menawarkan rumahnya kepada orang-orang supaya dengan harga 50,000

¹ Perkataan sebenar ialah alaminya

dirham. Setelah datang orang-orang yang hendak membelinya, maka berkatalah dia kepada orang-orang itu: “Berapa dirham pula tuan-tuan berani membeli “hak kejiranan” saya dengan Sa‘īd bin al-‘Āṣ? (kerana Muhammad bin al-Jahim mempunyai rumah berdekatan dengan rumah Sa‘īd bin al-‘Āṣ sebagai jiran).”

Orang-orang itu pun bertanya: “Apakah hak kejiranan itu tuan hendak memperjual belikan pula?”

Dijawabnya: “Betapa tidak! Dia boleh diperjual belikan dan mesti dibayar harganya. Jiran saya ini sangat baik orangnya, jika tuan kesusahan lalu meminta tolong kepadanya dia akan memberikan bantuannya kepada tuan, jika tuan berdiam diri, dia akan memulakan menyapa tuan, dan jika tuan menyakitinya dia akan berlaku baik terhadap tuan.”

Bila soal penjualan “hak kejiranan” ini diketahui oleh Sa‘īd, dia pun datang dengan segera mendapatkannya, lalu datang ke rumahnya membawakan wang sebanyak 100,000 dirham seraya berkata:”Ambillah wang ini dan janganlah saudara jual rumah saudara itu.”

* * *

Berjirankan Orang Yang Baik-baik Tiada Terkira Harganya

Ada pula diceritakan seorang lelaki berjiran dengan “Abi Dulaf” di negeri Baghdad. Orang itu sangat memerlukan wang kerana dia banyak menanggung hutang. Oleh sebab itu terpaksa ia hendak menjualkan rumahnya.

Orang pun ramai datang ke rumahnya untuk bertanyakan harganya. Dia mengatakan 1000 dinar, tetapi mereka telah menilai dengan berkata:

“Rumahmu hanya berharga 500 dinar sahaja.”

Jawab orang itu: “Benar. Rumahku berharga 500 dinar dan jiranku (Abi Dulaf) berharga 500 dinar, semuanya jadi 1000 dinar.”

Berita ini sampai ke pengetahuan Abi Dulaf, dia pun menyuruh orang rumahnya supaya menjelaskan hutang jirannya itu, lalu menemuinya seraya berkata: “Janganlah engkau tinggalkan kejiranan kita untuk berpindah ke tempat lain.”

Nyatalah sudah, bahawa “hak kejiranan” rupanya diperjual belikan juga semasa seseorang itu hendak menjualkan rumahnya.



Buku-buku Pelajaran

Surat Menyurat (Jawi)	\$1.80
Sejarah Ringkas Nabi Muhammad	1.20
Panduan Membaca dan Menulis	
Jawi	1.50
Baca I	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
Mengenai Imam Makmum, Masbuk dan Seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.20
Pesanan tambah 10 sen belanja pos	

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

356/8 Geylang Road.

SINGAPORE 14.